

1. Pasukan SMART sedia memberikan bantuan dalam operasi menyelamatkan mangsa _____ itu.



- ☐ A air pasang
- ☐ B alam sekitar
- ☐ C bencana alam
- ☐ D gerhana bulan

2. Wajah Amin _____ apabila dia terlihat satu lembaga yang berpakaian serba putih di belakang rumahnya.

- ☐ A pucat lesi
- ☐ B hitam manis
- ☐ C merah padam
- ☐ D kuning langsung

3. Mereka sedang _____ punca kemerosotan prestasi skuad badminton negara.

- ☐ A mencari gali
- ☐ B menyoal siasat
- ☐ C mengenal pasti
- ☐ D menambah baik

4. Kestabilan politik di negara ini meyakinkan _____ untuk membuat pelaburan di Malaysia.

- ☐ A pelabur asing
- ☐ B pengkaji cuaca
- ☐ C pengamal media
- ☐ D penganalisis ekonomi

5. Segala _____ ibu tunggal itu dalam membesarkan anak-anaknya terubat apabila anak-anaknya berjaya dalam pelajaran.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B titik peluh
- ☐ C penat lelah
- ☐ D duka nestapa

6. Orang ramai tidak seharusnya mudah terperdaya oleh promosi _____ yang diuar-uarkan melalui media sosial.

- ☐ A jual beli
- ☐ B jualan runcit
- ☐ C jualan murah
- ☐ D jualan langsung

7. Sultan telah berkenan untuk _____ bagi melawat mangsa banjir yang ditempatkan di dewan orang ramai itu.

- ☐ A mencemar duli
- ☐ B menjunjung duli
- ☐ C menjunjung kasih
- ☐ D merafakkan sembah

8. Badan datuk _____ setelah seharian mengerjakan kebun di belakang rumahnya.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sopan santun
- ☐ C lemah lembut
- ☐ D lemah gemalai

9. Projek _____ bangunan lama yang sudah terblat itu akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang layak.

- ☐ A membaik pulih
- ☐ B menyusun atur
- ☐ C mengubah suai
- ☐ D menambah baik

10. Kerangka utama kereta Formula Satu dibuat daripada gentian karbon supaya _____.

- ☐ A kalis air
- ☐ B teguh hati
- ☐ C tahan lasak
- ☐ D kalis peluru

11. Suasana yang _____ di hutan itu memberikan ilham kepada Erman untuk menulis lirik lagu.

- ☐ A riang ria
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C panas terik
- ☐ D dingin beku

12. Gadis yang _____ itu merupakan anak usahawan yang terkenal di negara ini.

- ☐ A cantik jelita
- ☐ B intan balduri
- ☐ C tinggi rendah
- ☐ D gagah perkasa

13. Setelah meluahkan _____nya yang terpendam terhadap gadis idamannya, barulah dia dapat tidur lena.

- ☐ A isi hati
- ☐ B jauh hati
- ☐ C lubuk hati
- ☐ D sampai hati

14. Batu seremban adalah antara contoh _____ yang sering dimainkan oleh golongan perempuan.

- ☐ A tarian tradisional
- ☐ B pakaian tradisional
- ☐ C makanan tradisional
- ☐ D permainan tradisional

15. "Janganlah kamu _____ dalam urusan keluarganya lagi," pesan Munirah kepada _____ ra.

- ☐ A kacau daun
- ☐ B lepas tangan
- ☐ C campur aduk
- ☐ D masuk campur

16. Stesen televisyen itu sedang menjalankan _____ untuk mencari pembaca berita.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B uji gaya
- ☐ C uji bakat
- ☐ D uji minda

17. Kita mestilah mempunyai _____ yang tinggi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

- ☐ A nama baik
- ☐ B disiplin diri
- ☐ C buah fikiran
- ☐ D tipu muslihat

18. Pada hujung minggu yang lalu, Faris pergi ke Litar Antarabangsa Sepang kerana dia ingin menyaksikan _____ Formula Satu.

- ☐ A pameran kereta
- ☐ B perlumbaan kereta
- ☐ C pertandingan robotik
- ☐ D perlumbaan motosikal

19. Golongan cendekiawan di negara ini dialu-alukan untuk memberikan _____ bagi meningkatkan ekonomi negara.

- ☐ A buah hati
- ☐ B buah mulut
- ☐ C buah fikiran
- ☐ D buah tangan

20. Tugas sebagai _____ amat mencabar kerana terdedah kepada bahaya dan perlu bekerja di tempat yang tinggi.

- ☐ A kerani am
- ☐ B doktor pelatih
- ☐ C operator kren
- ☐ D pegawai pemasaran